



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

BAGI

**MAJLIS PERASMIAN
PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SEBUYAU
PARLIMEN BATANG LUPAR
SARAWAK**

**PADA :
9 DISEMBER 2017 (SABTU)**

**TEMPAT :
PAWE SEBUYAU**

PENDAHULUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Negaraku Malaysia

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ditujukan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasanya, dapat kita bersama-sama lagi pada pagi yang indah ini untuk meraikan perasmian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sebuyau bagi Parlimen Batang Lupar.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sebuyau atas jemputan untuk majlis perasmian pada pagi ini.
3. Sesungguhnya kehadiran tuan/puan dalam menjayakan majlis perasmian dan sokongan padu dalam pelaksanaan program-program yang menjurus kepada kepentingan kumpulan sasaran Jabatan khususnya warga emas amatlah saya hargai.

Para hadirin sekalian,

PERKHIDMATAN WARGA EMAS

4. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan mendapati terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas atau 6.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 23.5 juta orang). Berbanding dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini yang dijalankan pada tahun 2010, warga emas merupakan 2.3 juta orang atau 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 28.3 juta orang).
5. Bagi Negeri Sarawak, peratusan penduduk warga emas adalah antara yang tertinggi, iaitu 9.5% berbanding negeri-negeri lain. Untuk makluman semua, bilangan penduduk warga emas di Negeri Sarawak adalah seramai 247,600 orang berdasarkan bancian penduduk daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak bagi tahun 2014.
6. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa **Malaysia akan menjadi sebuah negara tua (*aged nation*) pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas akan mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.** Pada ketika itu, penduduk negara akan mencapai 35.3 juta orang, yang mana 5.3 juta orang merupakan warga emas. Justeru, Malaysia akan menjadi sebuah negara menua (*ageing nation*) menjelang Rancangan Malaysia ke-14.

7. Sehubungan itu, Malaysia perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negara ini. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.
8. Dasar Warga Emas Negara (DWEN) merupakan komitmen Kerajaan ke arah mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati serta mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong peningkatan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.
9. Selaras itu, 59 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah ditubuhkan dan telah beroperasi di seluruh negara, dan terdapat 9 buah PAWE di seluruh Sarawak merangkumi lebih 17,000 ahli.
10. Selain itu, perkhidmatan sokongan seperti bantuan kebajikan diberi kepada golongan warga emas yang memerlukan kerana mengambil kira potensi golongan ini yang masih produktif ke arah hidup berdikari iaitu melalui Skim Bantuan Orang Tua (BOT) dimana lebih RM 67juta telah disalurkan kepada penerima di Sarawak meliputi lebih 22 ribu orang sehingga Oktober 2017 tahun ini.

Para Hadirin sekalian,

11. Jawatankuasa Pusat Aktiviti Warga Emas Sebuyau telah dibentuk pada 9 September 2015 dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sebuyau ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya mulai 5 Mei 2016.
12. Jumlah ahli yang telah berdaftar ketika mula-mula ditubuhkan adalah seramai 20 orang. Kini ahli yang berdaftar setakat bulan November 2017 adalah seramai 332 orang. Majoriti yang berdaftar dengan pusat ini adalah terdiri daripada masyarakat sekitar Sebuyau termasuklah kampung-kampung lain yang berdekatan.
13. Pusat Aktiviti Warga Emas ini ditubuhkan supaya komuniti warga emas mempunyai tempat untuk mereka berinteraksi dan bersosial sesama sendiri.
14. Selain itu, ianya adalah satu tempat sebagai pusat memperolehi pengetahuan dan kemahiran agar terus dapat menyumbang khidmat dan kesukarelaan kepada masyarakat.
15. Dan yang paling utama adalah untuk meluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas dengan meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif .

PENUTUP

16. Program seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran dan membentuk masyarakat terhadap warga emas terutamanya hak, peluang dan akses

yang sama dalam masyarakat, agar mereka tidak merasa tersisih dan dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara.

17. Di kesempatan ini juga. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak dalam menjayakan majlis perasmian PAWE SEBUYAU pada pagi ini.

18. Dengan ucapan bismillah, saya merasmikan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) SEBUYAU pada pagi ini.

**Wabillahitaufik, Walhidayah, Wassalamualaikum, Warrahmatulahi
Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.